

**Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah**  
*(Transformation of the Syariah Court in Malaysia: Reassessing Sentences in Syariah Criminal Offences)*

Jasri Jamal  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hasnizam Hashim<sup>1</sup>  
Universiti Sains Islam Malaysia

**Abstrak**

*Artikel ini membincangkan tentang keperluan untuk mentransformasikan bentuk hukuman di Mahkamah Syariah. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984)[Akta 355] memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, atau penjara maksimum 3 tahun atau sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan. Kesemua kesalahan dan hukuman yang disebutkan ini adalah termasuk di dalam konsep takzir yang ditentukan oleh pemerintah dalam konteks kes-kes jenayah syariah. Undang-undang ini sebenarnya telah pun terpakai sejak lebih 35 tahun tanpa mengalami sebarang pindaan. Di dalam Fiqh Islam, pindaan dan penambahbaikan terhadap sesuatu undang-undang yang berbentuk Takzir adalah perlu bagi membolehkan undang-undang tersebut sentiasa relevan dan mampu menangani permasalahan yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat dan negara berkenaan.*

**Kata Kunci:** Hukuman, Kes-kes Jenayah, Mahkamah Syariah.

**Abstract**

*This article discusses on the need to transform and diversify the forms of punishment in the Syariah Court. The Syariah Court Act (Criminal Jurisdiction) 1965 (Amendment 1984) [Act 355] provides that Syariah Court could inflict a maximum of RM5000.00 fine, maximum of 3 years imprisonment or 6 lashes or combination thereof, all of which fall under Takzir category; legislated by the government for the Syariah Criminal cases. These provisions have been in use for over 35 years in Malaysia without any modifications. In Islamic Fiqh, the law related to Takzir must always be reviewed to ensure that it relevant to suit with current problems of the society and the nation.*

**Keyword:** Punishment, Criminal Cases, Syariah Court.

<sup>1</sup>Corresponding author : Hasnizam Hashim, calon Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, juga merupakan pensyarah Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail: hasnizam@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Perbincangan tentang isu bidang kuasa Mahkamah Syariah, peruntukan dan bentuk hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas pesalah jenayah syariah bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Ianya telah disuarakan oleh banyak pihak sama ada daripada pengamal undang-undang mahupun ahli akademik. Rata-rata ahli perundangan yang terdiri daripada hakim, peguam dan tidak kurang juga ahli akademik menggesa agar kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang lebih tinggi diberikan kepada Mahkamah Syariah. Ini kerana kali terakhir akta ini dipinda ialah pada tahun 1984 dan sehingga kini isu bidang kuasa hukuman masih belum lagi berubah ataupun ditambah baik. Oleh yang demikian, hukuman adalah kekal dalam bentuk denda, penjara dan sebatan.

Walaupun terdapat gesaan agar bidang penghukuman ditambah, namun apa yang dapat dilihat adalah trend penghukuman hakim pada hari ini lebih cenderung dalam bentuk denda pada kadar yang minimum sahaja berbanding dengan penjara dan sebat. Atas alasan dan sebab tertentu, para hakim didapati ‘tidak berminat’ untuk menjatuhkan hukuman penjara dan sebat. Ahli perundangan Islam pula dilihat tidak begitu agresif di dalam mencadangkan bentuk hukuman lain selain daripada hukuman yang telah diperuntukkan walaupun skop hukuman takzir sebenarnya adalah jauh lebih luas daripada apa yang terpakai pada masa kini di Mahkamah Syariah. Mengenai hukuman denda yang menjadi ‘pilihan’ para hakim, tiada kajian khusus yang dibuat tentang sejauh mana ia berkesan di dalam menangani kes-kes jenayah syariah (Siti Zubaidah Ismail, 2012:113-114). Selain itu kewujudan peruntukan dan bentuk hukuman yang berbeza di dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri juga turut menjadi persoalan tentang apakah elemen sebenar yang menjadi asas utama apabila sesuatu hukuman itu digubal (Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri).

Justeru, artikel ini akan memfokuskan perbincangan tentang mengapa bentuk hukuman yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355], Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan bentuk hukuman yang popular dijatuhkan ke atas pesalah syariah perlu dilihat dan dikaji semula. Beberapa kaedah penyelesaian yang boleh diperhalusi dan dibuat kajian lanjut mengenainya akan turut dicadangkan oleh penulis. Usaha untuk mengkaji semula bentuk hukuman yang diamalkan di Mahkamah Syariah pada hari ini adalah merupakan langkah untuk mentransformasi dan memperkasa undang-undang Syariah di negara ini. Ianya juga selari dengan peranan asal Mahkamah Syariah yang bertujuan untuk membuktikan keadilan undang-undang Islam yang sesuai untuk dilaksanakan di semua tempat, masa dan setiap lapisan masyarakat.

Hukuman (***Uqubah***) dan Objektifnya menurut Undang-Undang Islam. Hukuman atau dalam Bahasa Arabnya *Uqubah* adalah berasal daripada kata kerja ‘*aqaba*’. Dari segi bahasa, ia bermaksud pembalasan di atas sesuatu perbuatan (Abdullah Bin Salim al-Hamid, 1993: 28). Dari segi istilah, *uqubah* bermaksud balasan yang ditetapkan bagi memelihara kepentingan ramai atas penderhakaan yang dilakukan terhadap syariat (Abdul Qadir Awdah, 2009, 2:455). Menurut Mahmud Saedon Awang Othman, (2000, 150) *uqubah* ialah hukuman kesekeaan yang dijatuhkan oleh mahkamah setelah seseorang itu didapati bersalah melakukan sesuatu jenayah.

Para fuqaha seperti Ibn Abidin dan Ibn Hummam menjelaskan bahawa hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan atau jenayah dan pembalasan selepas melakukannya (Siti Zubaidah Ismail, 2008:2). Pengetahuan anggota masyarakat tentang perbuatan dan statusnya sebagai suatu kesalahan ataupun jenayah dan hukumannya sepatutnya sudahpun menjadi ‘peringatan pertama’ yang mampu mencegah mereka daripada melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyebabkan mereka dihukum. Namun apabila kesalahan telah dilakukan, maka hukuman tidak boleh dielak lagi dan perlu dikenakan bagi menghalang pengulangan. Pada masa yang sama, masyarakat juga perlu mengambil iktibar daripada hukuman yang dikenakan (Siti Zubaidah Ismail, 2008:2). Ahmad Fathi Bahnasi di dalam bukunya *al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islamiy* menjelaskan bahawa hukuman mempunyai dua objektif; iaitu objektif jangka pendek dan objektif jangka panjang. Dari segi objektif jangka pendek, ia berperanan sebagai pemulihan kepada pesalah dan penghalang (*Sad al-Zarai*) kepada orang lain daripada melakukan perbuatan yang sama. Objektif jangka panjang pula ialah untuk menjaga keharmonian sesebuah masyarakat dan negara. (Ahmad Fathi Bahnasi, 1989:18). Tanpa *uqubah* atau hukuman yang sempurna dan bersesuaian, objektif undang-undang jenayah Islam ini tidak akan tercapai dan undang-undang jenayah Islam akan dianggap sebagai tidak lengkap.

## BIDANG KUASA MENGHUKUM MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA TERHADAP KES-KES JENAYAH SYARIAH

Penubuhan Mahkamah Syariah di Malaysia adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri yang memperuntukkan :

*Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkawinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtaranan, penjagaan,*

*alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.*

Frasa yang berkaitan dengan bidang kuasa jenayah atau bidang kuasa penghukuman di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlombagaan Persekutuan pula ialah:

*'...pengwujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan..'*

Undang-Undang yang mula-mula memberi kuasa penghukuman dan menerangkan bentuk-bentuk hukuman yang dibenarkan di Mahkamah Syariah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Menurut Akta ini, Mahkamah Syariah hanya berkuasa untuk menjatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak melebihi RM1000.00. Pada tahun 1984, Akta ini telah dipinda dan diperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah dibenarkan menjatuhkan hukuman maksimum RM5000.00 denda, atau penjara maksimum 3 tahun atau sebatan 6 kali ataupun gabungan antara hukuman-hukuman berkenaan (Jasri Jamal, 2012:xxv, dan Akta 355).

Sebelum merdeka, kesalahan-kesalahan jenayah syariah adalah diperuntukkan di dalam satu peruntukan khas yang bersifat umum iaitu Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri-negeri (Jasri Jamal, 2012: xxiv). Namun, pada awal 1990an, kesalahan-kesalahan jenayah ini telah dipisahkan menjadi enakmen kesalahan jenayah yang tersendiri iaitu: Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor), Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1998 (Kedah), Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Pindaan 1987) (Kelantan), Enakmen Kesalahan Syariah 1992 (Melaka), Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Pindaan 2004) (Negeri Sembilan), Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu 1982 (Pahang), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996 (Pulau Pinang), Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah), Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 1991 (Sarawak), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1993 (Selangor) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 (Terengganu). (Akta dan Enakmen-Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri)

Secara umumnya, kesalahan-kesalahan (*offences*) yang terdapat di dalam Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri adalah seperti berikut:

- i. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan akhlak, seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat-tempat awam.
- ii. Kesalahan-kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhawlwat, berkelakuan sumbang, berzina, mukaddimah zina, liwat, *musahaqah*, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
- iii. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjur, menggalak atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan.
- iv. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, mlarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, mlarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keislaman orang lain.
- v. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pentadbiran hukum-hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau menjeji mana-mana kadhi/ hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.

- vi. Bersubahat dalam melakukan apa-apa kesalahan di atas.
- vii. Pelbagai kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Selain itu, kesalahan-kesalahan jenayah syariah juga turut terdapat di dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah: (Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri)

- i. Penalti berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan seperti tidak hadir di hadapan dan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan, gangguan terhadap perkahwinan, akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan dan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan.
- ii. Penalti am seperti Poligami tanpa kebenaran Mahkamah, penceraian diluar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, menganiaya isteri atau suami dan sebagainya.

### **KAJIAN SEMULA BENTUK HUKUMAN BAGI KES-KES JENAYAH DI MAHKAMAH SYARIAH: KEPERLUAN, ANALISIS DAN CADANGAN**

Berikut adalah merupakan antara beberapa faktor mengapa bentuk hukuman bagi kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah perlu dikaji semula, analisis dan cadangan:

#### **Keterbatasan Pemilihan Bentuk Hukuman Oleh Hakim Syarie**

Berdasarkan kepada Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355], bentuk-bentuk hukuman yang dibenarkan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah adalah penjara, denda dan juga sebatan. Hukuman penjara yang dibenarkan ialah tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan sebanyak enam kali ataupun gabungan kepada hukuman-hukuman tersebut.

Rata-rata hukuman yang dijatuhan oleh hakim syarie di Mahkamah Syariah adalah berbentuk denda sahaja. Perkara ini dapat dilihat kepada amalan pengenaan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia oleh hakim syarie pada hari ini. Para hakim syarie didapati lebih cenderung kepada mengenakan hukuman denda sahaja berbanding penjara mahupun sebatan (Siti Zubaidah Ismail, 2012: 113-114, Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhd Hashim, 2008, 90-94 ). Sebagai contoh, di negeri Selangor sahaja dari tahun 2009 hingga 2011, hukuman yang banyak dilaksanakan adalah berbentuk denda berbanding pemenjaraan. Jumlah kutipan denda yang dilaporkan bagi Kes Jenayah Syariah, Mahkamah Syariah Negeri Selangor pada tahun 2009 ialah sebanyak RM 2,929,872; tahun 2010 sebanyak RM 3,018,544.98; dan tahun 2011 (sehingga Ogos) adalah sebanyak RM 1,536,818. Bilangan tertuduh yang dijatuhi hukuman penjara pula ialah seramai 60 orang pada tahun 2008, 89 orang pada tahun 2010 dan seramai

25 orang sehingga Ogos 2011 (Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor, 2011, 14).

Hukuman pemenjaraan meskipun dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Rendah Syariah akan digugurkan apabila rayuan dikemukakan ke Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan. Ini dapat dilihat dalam kes seperti Mokhtar bin Pangat *v*n Pendakwa Jabatan Agama Islam dan Wilayah Persekutuan [1991] 7 JH203, Abd Razak bin Othman *v*n Ketua Pendakwa Syarie [Kes rayuan Syariah Negeri Melaka [04000-139-001-2006], Abd Wahab *v*n Timbalan Pendakwa Mahkamah Syariah Selangor [1982] 2(ii) JH282 dan sebagainya (Siti Zubaidah Ismail, 2011: xxviii). Hukuman sebat pula amat jarang dijatuhkan. Hukuman sebat rotan yang dijatuhkan ke atas Kartika Sari Dewi Sukarno pada tahun 2009 atas kesalahan meminum arak umpamanya telah mengundang pelbagai kontroversi yang akhirnya menyebabkan hukuman asal ditukar kepada hukuman berbentuk khidmat masyarakat (Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd Shariff & Ruzian Markom, 2010, 87).

Penulis berpendapat bahawa kecenderungan para hakim untuk menjatuhkan hukuman denda berbanding penjara dan sebat ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah ketiadaan penjara syariah. Walaupun keperluan mewujudkan penjara syariah ini telahpun dicadangkan oleh banyak pihak termasuk Mantan Ketua Hakim Syarie sendiri iaitu Sheikh Ghazali Bin Hj Abdul Rahman (2009, 179), namun sehingga hari ini pengwujudannya masih belum dapat direalisasikan.

Amalan yang terpakai pada masa kini, pesalah syariah yang dijatuhkan hukuman penjara akan ditempatkan bersama-sama dengan pesalah sivil yang melakukan pelbagai kesalahan baik yang berat sehinggalah kepada yang ringan di penjara-penjara seluruh negara di bawah Jabatan Penjara Malaysia (Sheikh Ghazali Bin Hj Abdul Rahman, 2009, 179). Keadaan ini dikhawatir akan meninggalkan kesan negatif yang mendalam bukan sahaja ke atas pesalah syariah tersebut, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat. Ini kerana mereka dikhawatir akan terpengaruh dengan pelbagai masalah sosial dan perlakuan jenayah yang lebih serius dalam tempoh pemenjaraan tersebut. Banduan muda yang kurang pengetahuan dan pertama kali dimasukkan ke dalam penjara bagi kesalahan kecil pula dikhawatir akan terpengaruh dan dipengaruhi oleh banduan lain yang seterusnya mengakibatkan mereka menjadi lebih agresif dan liar apabila dibebaskan. (Nor Huda Roslan, 2013, 12-13)

Untuk mewujudkan penjara syariah pula, sudah tentu akan melibatkan peruntukan yang besar daripada Kerajaan Persekutuan (Sheikh Ghazali Bin Hj Abdul Rahman, 2009, 179) Justeru penulis mencadangkan agar penjara syariah ini dapat dapat diwujudkan di penjara-penjara sedia ada tanpa perlu kepada pembinaan penjara baru yang sudah pasti memerlukan perbelanjaan yang besar. Kurikulum dan model pemulihan yang sesuai bagi pesalah-pesalah syariah ini pula boleh dirangka oleh agensi-agensi seperti Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Majlis Agama Islam Negeri (MAINS) dan sebagainya.

Bagi hukuman sebat pula, kontroversi yang timbul antaranya adalah berpunca daripada ketiadaan kaedah bagi melaksanakan hukuman sebatan syariah ke atas pesalah (Musa Awang, 2014, 13). Walaupun kaedah sebatan secara ringkasnya telah dinyatakan dalam sebahagian besar Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri-Negeri, namun satu-satunya negeri yang telah mengadakan kaedah hukuman sebat ini ialah negeri Kelantan melalui Kaedah Hukuman Sebat 1987 (Musa Awang, 2014, 13). Justeru, kaedah-kaedah ini perlu diwujudkan secepat mungkin bagi meleraikan kontroversi yang berlaku. Sekiranya ini dapat diselesaikan, para hakim mungkin lebih berkeyakinan untuk menjatuhkan hukuman sebatan di samping hukuman-hukuman lain.

### **Kejumudan Pemahaman Terhadap Skop Hukuman Takzir**

Peruntukan undang-undang dan bentuk hukuman yang terdapat di dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia adalah berdasarkan kepada hukuman takzir (Hamidi Abdul Ghani, 2004, 45-46). Hukuman Takzir, dalam undang-undang jenayah Islam mempunyai skop yang luas. Abdul Aziz Amir di dalam kitabnya *al-Takzir fi al-Syariah al-Islamiyyah* (1969, 304-457) menyatakan bahawa hukuman Takzir boleh dikenakan dalam pelbagai bentuk sama ada ringan atau berat seperti amaran, celaan atau hukuman mengenai tubuh seperti penjara, buang daerah, sebat dan sebagainya. Menurut Prof Ahmad Ibrahim, hukuman takzir yang dilaksanakan tidak semestinya merujuk kepada undang-undang Inggeris, tetapi bebas untuk mencari undang-undang lain yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997, 10)

Peruntukan bagi menghadkan bentuk hukuman kesalahan takzir kepada denda, penjara dan sebat sepertimana yang terdapat di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dilihat sebagai tidak menepati konsep sebenar hukuman Takzir dalam Islam. Sekiranya dilihat, bentuk-bentuk hukuman Takzir seperti yang telah disebut di dalam kitab-kitab Fiqh Islam adalah pelbagai dan berdasarkan tahap keseriusan kesalahan dan diri pesalah (Hamidi Abdul Ghani, 2004, 46). Di mahkamah sivil sendiri pun, skop hukuman Takzir yang diguna pakai adalah didapati jauh berbeza dengan Mahkamah Syariah. Hukuman yang diperuntukkan bukan sahaja sebatan, pemenjaraan dan denda bahkan turut melibatkan hukuman mati (Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]), perintah pemulihan, bon berkelakuan baik dan pengawasan polis (Seksyen 173A(2)(b) atau Seksyen 294(1) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]).

Perlu difahami bahawa undang-undang yang dibentuk manusia seharusnya bergerak sejajar dengan perubahan masyarakat yang menggunakan undang-undang tersebut (Mohd Naim Hj Mokhtar, 2012, Temu bual). Ianya tidak sepatutnya bersifat rigid atau statik. Dalam kaedah Fiqh juga ada menyatakan bahawa ‘*Rules of Law vary with the Change of Time*’ atau ‘hukum hakam berubah dengan perubahan masa’ (Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman, 2007, 175). Pindaan dan penambahbaikan terhadap sesuatu undang-undang takzir adalah perlu bagi membolehkan undang-undang tersebut sentiasa relevan dan mampu menangani permasalahan yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat atau negara berkenaan. Walau bagaimanapun undang-undang yang dipinda atau ditambah baik itu mestilah selari dengan kehendak syarak (*maqasid al-syariah*).

Jadi, selaras dengan tanggungjawab ini, ahli perundangan Islam seperti hakim, peguam, termasuk ahli akademik hendaklah meningkatkan ilmu untuk benar-benar memahami tujuan hakiki undang-undang Islam supaya keadilan yang menjadi nadinya terserlah nyata. Bentuk-bentuk hukuman lain juga perlulah dikaji akan kesesuaianya dari masa ke semasa (Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhd Hashim, 2008, 90). Pada masa yang sama, walaupun kesalahan-kesalahan jenayah syariah pada masa kini hanya melibatkan perbuatan maksiat individu, namun persediaan untuk mengkaji bentuk-bentuk hukuman lain yang bersesuaian juga perlulah dibuat dengan andaian sekiranya satu hari nanti ianya diperluaskan kepada kes-kes yang melibatkan kecederaan dan sebagainya.

### **Hukuman Sedia Ada Tidak Diketahui Sejauh Mana Keberkesanan dan Kesesuaianya**

Kesalahan jenayah syariah melibatkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah di bawah Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri dan juga kesalahan-kesalahan jenayah syariah di bawah Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Berikut adalah statistik kesalahan jenayah syariah yang dilaporkan bagi tahun 2011 dan 2012 bagi negeri seluruh Malaysia.

*Jadual 1: Statistik Kesalahan Jenayah Syariah Mengikut Jenis Kesalahan di bawah Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Seluruh Malaysia bagi Tahun 2011 dan 2012*

Bil	Jenis Kesalahan	Jumlah Kes	
		2011	2012
1.	Khalwat	9,261	8,970
2.	Perbuatan Tidak Sopan di Tempat Awam	2,421	1,513
3.	Persetubuhan Luar Nikah	1,462	1,032
4.	Berjudi	1,288	1,463

5. Bersekediaman	1	842
6. Lain-lain Kesalahan	1,879	2,512
Jumlah Keseluruhan	16,312	16,332

Sumber: Bahagian Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jadual 2 : Statistik Kesalahan Syariah Mengikut Jenis Kesalahan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Seluruh Malaysia bagi Tahun 2011 dan 2012

Bil	Jenis Kesalahan	Jumlah Kes	
		2011	2012
1.	Kesalahan berhubung dengan Akad Nikah Perkahwinan	1,467	1,310
2.	Penceraihan di luar Mahkamah dan tanpa Kebenaran Mahkamah	1,561	2,050
3.	Akad Nikah Perkahwinan Yang Tidak Dibenarkan	804	1,020
4.	Poligami tanpa Kebenaran Mahkamah	516	327
5.	Tidak hadir Di Hadapan Pendaftar Nikah Dalam Masa Yang Ditetapkan	140	232
6.	Lain-lain Kesalahan	1,003	245
Jumlah Keseluruhan		5,658	5,184

Sumber: Bahagian Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jadual 1 dan 2 di atas menunjukkan statistik kesalahan Jenayah Syariah di bawah Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah dan Undang-Undang Keluarga Islam bagi negeri seluruh Malaysia pada tahun 2011 dan 2012 mengikut jenis kesalahan. Sekiranya dilihat, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah masih tinggi. Jumlah keseluruhan bagi kes-kes jenayah syariah di bawah Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri yang dilaporkan pada tahun 2012 adalah sebanyak 16,332 iaitu meningkat sebanyak 20 kes berbanding tahun sebelumnya. Bagi kesalahan jenayah di bawah Undang-Undang Keluarga Islam pula, bilangan keseluruhan kes yang dilaporkan pada tahun 2012 juga dilihat masih tinggi walaupun terdapat sedikit penurunan kes berbanding tahun sebelumnya.

Hukuman sepertimana yang telah dihuraikan sepatutnya boleh mencegah perbuatan jenayah daripada berlaku. Melihatkan jumlah kesalahan yang masih tinggi, penulis berpandangan bahawa bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di bawah undang jenayah dan kesalahan jenayah di bawah undang-undang keluarga Islam perlu dilihat dan dikaji semula dari segi kesesuaian dan keberkesanannya dalam menangani peningkatan kes-kes

jenayah syariah. Amalan hukuman yang rata-ratanya berbentuk denda sahaja perlu diubah.

Memanglah hukuman bukan merupakan satu-satunya faktor penentu kebaikan seseorang itu. Pendidikan, suasana persekitaran dan dakwah juga memainkan peranan yang besar di dalam membentuk sahsiah diri dan bebas daripada kesalahan jenayah syariah. Namun sekiranya faktor hukuman ini diabaikan, maka ia mungkin akan merosakkan sahsiah diri individu muslim. Mereka tidak berasa rugi atau gerun terhadap hukuman. Falsafah hukuman dalam Islam bukan untuk mendera, tetapi memberi pengajaran kepada orang yang melakukan kesalahan dan juga kepada orang lain supaya tidak mengikut perbuatan salah orang yang melakukan kesalahan itu. (Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd Hashim, 2008, 95-96)

Penulis juga berpendapat bahawa para hakim perlu berani mengenakan hukuman maksimum seperti yang telah diperuntukkan di dalam Akta 355. Trend penghukuman yang menyaksikan amalan para hakim lebih cenderung untuk menjatuhkan hukuman denda sekitar RM1000-RM2000 sahaja dilihat tidak begitu menggerunkan pesalah apatah lagi menimbulkan keinsafan kepada mereka yang berkemampuan untuk membayar denda yang dikenakan. Terdapat juga kesalahan jenayah yang diperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak tiga ribu ringgit, tetapi hukuman denda yang dijatuhkan oleh hakim adalah sekitar RM1000.00 ke RM2000.00 sahaja. Sebagai contoh, Seksyen 75, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan memerlukan hukuman denda tidak melibih RM3000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan hamil luar nikah. Pun begitu kebanyakkhan hukuman yang dijatuhkan adalah berbentuk denda sahaja sekitar RM1000.00 ke RM2000.00 Ini dapat dilihat di dalam kes-kes seperti Pendakwa Syarie *lwn Azmawati Bt Mat Zain* (2005) [05007-180-0032-2005], Pendakwa Syarie *lwn Fadhilah Bt Daud* (2007) [05007-180-0043-2007], Pendakwa Syarie *lwn Norhaniza Bt Osman* (2008) [05007-180-0026-2008] dan banyak lagi. (Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim, et al : 2012, 31). Berdasarkan ini, penulis berpandangan bahawa Pertambahan bidang kuasa hukuman mungkin tidak akan membawa erti yang besar sekiranya hukuman sedia ada yang diperuntukkan tidak digunakan semaksima mungkin.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa apabila hukuman yang lebih berat dijatuhkan, pihak yang dituduh akan mengemukakan hujah mereka bagi menangkis pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka dan tidak sewenang-wenangnya mengaku salah. Dari sudut perundangan, apabila sesuatu kes dibicarakan dan dibawa hujah-hujah yang menyokong atau menafikan, ia akan membawa kepada perkembangan undang-undang itu sendiri. Undang-undang akan berkembang dan penghakiman yang ditulis oleh hakim terdahulu akan menjadi ikutan dan panduan kepada hakim lain. Jika kita lihat di Mahkamah Sivil, kes yang dipertikaikan sering dilaporkan. Dengan cara ini undang-undang dan tafsiran kepada sesuatu undang-undang itu akan

berkembang dan tidak statik. (Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd Hashim, 2008, 95-96)

### **Ketidakseragaman Hukuman Bagi Kesalahan Yang Sama di Dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri**

Penelitian yang dilakukan oleh penulis ke atas Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri mendapati sehingga ini masih terdapat lagi hukuman yang berbeza bagi kesalahan yang sama. Berikut adalah merupakan antara contoh perbezaan hukuman yang terdapat bagi kesalahan yang sama di dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri:

- i- Menghina atau menyebabkan di pandang hina, dan lain-lain, agama Bagi kesalahan di atas, Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang sama, Seksyen 7, Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- ii- Mengajar Agama Tanpa Tauliah  
Bagi Kesalahan Mengajar Agama Tanpa Tauliah, Seksyen 11(1) Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Di bawah kesalahan yang sama, Seksyen 14(1) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Seksyen 66(1) Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 pula memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- iii- Tidak Membayar Zakat Fitrah  
Seksyen 21, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan tidak membayar zakat fitrah. Peruntukan hukuman yang berlainan bagi kesalahan yang sama dapat dilihat dalam Seksyen 25(1) Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

iv- Penyalahgunaan Tanda Halal

Bagi kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal, Seksyen 38 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM2000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Seksyen 42 Akta Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 pula memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Sementara itu, di Perak pula, Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

v- Minuman yang Memabukkan

Seksyen 18(1), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM3000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang sama, Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987) memperuntukkan hukuman denda sebanyak RM5000.00 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan.

Berdasarkan kepada beberapa contoh yang diberikan, penulis mendapati bahawa masih terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi peruntukan dan bentuk hukuman di dalam Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Justeru, penulis berpandangan bahawa perbezaan-perbezaan peruntukan dan bentuk hukuman ini perlu ditangani dengan kadar segera. Kegagalan dalam menyelesaikan perkara ini akan menimbulkan tanda tanya di kalangan masyarakat tentang apakah asas yang diambil kira oleh penggubal undang-undang syariah di dalam menentukan sesuatu bentuk hukuman. Keadaan ini sekaligus akan menyebabkan pelbagai masalah perundungan dan memberikan tanggapan negatif masyarakat kepada pentadbiran undang-undang Islam apatah lagi dalam konteks Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kepentingan untuk mengkaji semula bentuk hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah syariah di Malaysia pada hari adalah merupakan suatu keperluan bagi mentransformasi dan seterusnya memperkasa Intitusi Kehakiman Islam Negara dalam usaha untuk menjadikannya sentiasa relevan dengan suasana dan keadaan semasa. Pendekatan dan bentuk hukuman Takzir perlu dipelbagai sesuai dengan perubahan zaman yang menuntut kepada kepelbagaiannya mekanisme dalam mencapai keadilan. Walaupun Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa) Jenayah 1965 (Pindaan 1984) [Akta 355] memperuntukkan hukuman berbentuk denda, penjara dan sebatan, namun kecenderungan penghukuman menyaksikan hanya hukuman denda pada kadar yang

rendah sahaja menjadi pilihan. Kadar denda yang dikenakan ini pula tidak diketahui sejauhmana kesesuaian dan keberkesanannya dalam menyedarkan pesalah syariah dan menjadi elemen pencegahan kepada orang lain daripada melakukan perbuatan yang sama. Dalam pada itu, perbezaan peruntukan dan bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang sama antara negeri-negeri juga turut memperlihatkan akan kepentingan untuk mengkaji semula bentuk hukuman yang diguna pakai bagi menghukum pesalah syariah pada masa kini.

Dalam keterbatasan hukuman yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 ini, sebenarnya masih ada ruang yang membolehkan para hakim menjatuhkan hukuman selain denda, penjara dan sebatan. Hukuman yang dimaksudkan oleh penulis ialah hukuman berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman khidmat masyarakat, kaunseling, kelas fardhu ain, kelas pemantapan akidah dan program di Masjid. Peruntukan mengenainya telahpun ada di dalam sebahagian Akta/ Enakmen Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri. Pun begitu, hukuman berbentuk perintah pemulihan ini masih belum boleh dilaksanakan secara menyeluruh berikutan ketiadaan kaedah pelaksanaan yang jelas. Justeru kedah yang jelas mengenai tatacara pelaksanaannya perlulah dikaji secara mendalam oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi membolehkan ianya dilaksanakan.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Amir. (1969). *Al-Tazir fi al-Syariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Abdul Karim Zaydan. (1993). *Al-Madkhali Dirasati al-Syariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Dar al-Wafa'.
- Abdul Qadir Awdah. (2009). *Al-Tasyri' Al-Jinai Al-Islamiy*. Jilid 2. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Abdullah Bin Salim al-Hamid. (1993). *Al-Tasyri' al-Jinai'e al-Islamiy*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah, Wizarat al-Syuun al-Islamiyyah.
- Abu Bakar Abdullah. (1986). *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1989). *Al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Akta Parliment Malaysia. (1997). Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)1997 (Pindaan 2005).
- Akta Parliment. (1994). Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan 1994).
- Akta Parliment. Malaysia. (1982). Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu 1982 (Pahang).

- Akta Parlimen. Malaysia. (1985). Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Pindaan 1987) (Kelantan).
- Akta Parlimen. Malaysia. (1985). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 (Terengganu).
- Akta Parlimen. Malaysia. (1991). Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1992). Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak).
- Akta Parlimen. Malaysia. (1992). Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Pindaan 2004) (Negeri Sembilan).
- Akta Parlimen. Malaysia. (1992). Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1992.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1993). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1993.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1996). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1997). Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1997). Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
- Akta Parlimen. Malaysia. (1998). Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1998.
- Akta Parlimen. Malaysia. (2003). Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Akta Parlimen. Malaysia. (2003). Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Akta Parlimen. Malaysia. 1988. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak-1988). [Akta 355].
- Akta Parlimen. Malaysia. Akta Dadah Merbahaya 1952. [Akta 234].
- Akta Parlimen. Malaysia. Akta Kanun Acara Jenayah. [Akta 593].
- Akta Parlimen. Malaysia. (2003). Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Anita Abdul Rahim, Adibah Abdul Rahim, et al. (2012). *Hukuman bagi Kesalahan Seksual di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992: Keperluan Kepada Hukuman yang Lebih Berat*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 16. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd Shariff & Ruzian Markom. (2010). *Hukuman Sebat Menurut Akta 355: Sejauh Manakah Aplikasinya Dalam Kes-Kes Jenayah Syariah Di Malaysia*. Shariah Law Reports. [ 2010] 3ShLR.
- Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor. (2011). Statistik Pendaftaran Kes Jenayah Syariah Tahun 2009 sehingga Ogos 2011.
- Bahagian Undang-Undang Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia. Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hamidi Abdul Ghani. (2004). *Ta'zir dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Jurnal KIAS 1. Kota Bharu: Kolej Islam Ismail Petra.

- Hj Mohd Naim Hj Mokhtar, Timbalan Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga JKSM. (20 Disember 2012). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (Temu bual)
- Hukuman Jenayah Syariah Mungkin di Tingkatkan. (2009). [http://mstar.com.my/variasi/agama/cerita.asp?file=/2009/4/23/mstar\\_agama/20090423173453&sec=mstar\\_agama](http://mstar.com.my/variasi/agama/cerita.asp?file=/2009/4/23/mstar_agama/20090423173453&sec=mstar_agama)
- Jasri Jamal. (2003). Konsep Hukuman Takzir di dalam Kanun Jenayah Syariah di Malaysia". *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Jasri Jamal. (2012). "Pertambahan Bidang kuasa Jenayah Syariah: Impaknya Terhadap Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia". *Shariah Law Reports*. [2012][1ShLR].
- Mahamad Arifin. (2007). "Perkembangan pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia", dalam Mahamad Arifin et. al. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Cetakan-1. Jilid 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (1992). *Bidang kuasa Jenayah Dalam Undang-Undang Mahkamah Syariah Di Malaysia: Satu Penilaian Dari Aspek Pencapaian Objektif Hukum Syarak*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Cetakan ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2000). "Nizam Uqubah dalam Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia", dalam Abdul Monir Yaacob & Sarina Othman. *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2000). "Nizam Uqubah dalam Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia", dalam Abdul Monir Yaacob & Sarina Othman. *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Musa Awang. (2014). *Di mana Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah*. Seminar Undang-Undang & Masyarakat II (SLAS II). Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nasimah Hussin. (1997). *Discretionary Punishment in Islamic Law with Special Reference to the Shariah Courts of Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Faculty of Arts Department of Islamic & Midle Eastern Studies, University of Edinburgh.
- Nor Huda Roslan. (2013). *Hukuman Alternatif: Dari Perspektif Syara' dan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia* (Slide Power Point). Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Dewan Theatrette, Wisma Negeri, Negeri Sembilan.
- Perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat [http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=72%3Aperintah-khidmat-masyarakat&catid=45%3Aperintah-khidmat-masyarakat&Itemid=166&lang=ms](http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=72%3Aperintah-khidmat-masyarakat&catid=45%3Aperintah-khidmat-masyarakat&Itemid=166&lang=ms)

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

- Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman. (2007). *Masa Depan Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran dan Strategi dalam Masyarakat Majmuk*. Jurnal Hukum XXIII(II). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail. (2012). Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Siti Zubaidah Ismail. (2008). *Dasar dan Amalan penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke Mana halatju?*. Jurnal Hukum 27(1). Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail. 2011. ‘Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-Undang Syariah. 2011. Shariah Law Reports. [2011][4 ShLR].
- Yusuf Al-Qaradhawi. (1997). *Syariah al-Islam Salihah li al-Tatbiq fi kulli Zaman wa Makan*. Cetakan ke-5. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zainul Rijal Abu Bakar & Nurhidayah Muhd Hashim. (2008). *Isu-Isu Syariah di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.

Prof. Madya Dr. Jasri Jamal

Fakulti Undang-Undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi Selangor.  
E-mail: jasri@ukm.edu.my

Hasnizam Hashim  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Nilai, Negeri Sembilan  
E-mail: hasnizam@usim.edu.my

